

Ancaman dadah moden

H.M 9/12/06 M12

Penggunaan dadah jenis sintetik meningkat sekali gus membawa usaha pambanterasan ke satu tahap baru

>>Oleh Muhd Izwan Baharin

izwan@hmetro.com.my

SEMUANYA bermula dengan sikap mahu mencuba atau hendak merasai keseronokan yang 'lebih sikit' bersama rakan di kelab malam atau pub.

Itu adalah antara alasan ramai remaja terjebak dalam penagihan dadah perangsang jenis Amphetamine Type Stimulants (ATS).

Dadah moden ini cukup popular di kalangan kaki disko kerana kesan sementara yang dirasakan menyebabkan mereka cukup seronok, bercakap banyak serta bertindak balas terhadap 'muzik yang kuat secara keterlaluan, termasuk mengangguk kepala terus menerus.

Namun, tanpa mereka sedari dadah sintetik itu turut memberi kesan kerosakan kepada fungsi otak, sistem degupan jantung, pernafasan, kesihatan dan kulit penagihnya.

Antara dadah ATS yang sering disalahgunakan adalah Ecstasy, Syabu atau Ice (Methamphetamine), Ketamin dan Amphetamine.

Cara pengambilan setiap ATS itu adalah seperti ditelan, dihancurkan dan dicampur dengan air minuman,



**BAHAYA
...pil
Ecstasy
popular
di kalangan
pengunjung
pusat
hiburan.**

dihidui melalui hidung dan suntikan.

Setiap dadah itu juga memberi pelbagai kesan sementara seperti rasa seronok, cepat mesra, berasa diri memiliki daya penarik, sensitif, bertenaga, cergas serta tidak rasa mengantuk.

Namun hanya sekali mencuba sudah cukup membuatkan pengambilnya merana, malah ketagihan dadah itu memberi kesan cukup buruk dalam jangka masa pendek dan panjang dalam kehidupan.

Ecstasy dihasilkan dalam beberapa bentuk mempunyai banyak nama gelaran antaranya Snow White, Playboy, Apple, Pink Lady dan XTC yang pada mulanya dicipta

pakar kimia Jerman untuk tujuan perubatan namun diharamkan kerana kesan sampingan yang amat buruk.

Dadah itu muncul dalam bentuk pil dengan pelbagai warna dan logo dijual pada harga di antara RM50 dan RM200 bagi sebiji pil.

Ia biasanya ditelan atau dihancurkan dan dicampurkan dalam air minuman. Dadah itu juga boleh didapati dalam bentuk serbuk dan cecair, malah ada juga yang menggunakan Ecstasy dengan memasukkannya melalui dubur supaya mudah diserap.

Risiko pengambilan Ecstasy mengakibatkan tekanan darah melonjak naik, denyutan jantung terlalu laju sehingga

boleh menyebabkan pendarahan otak berpunca kegagalan jantung berfungsi.

Suhu badan juga meningkat secara melampau sehingga menyebabkan berlaku kekurangan cecair dalam badan. Akibatnya pengambil Ecstasy boleh koma dan organ utama badan gagal berfungsi sehingga maut.

Paling menakutkan, kematian yang disebabkan penagihan Ecstasy tidak bergantung kepada dos yang ambil kerana sesetengah pil yang diambil dalam kuantiti sedikit juga mempunyai risiko maut.

Ketiadaan Ecstasy atau percubaan penagihnya untuk berhenti boleh mengakibatkan tekanan perasaan yang teruk sehingga bertindak ganas dan gila yang luar biasa.

Penjenayah dipercayai mengambil dadah jenis Syabu atau Ice kerana ia mampu meningkatkan keberanian dan keyakinan untuk bertindak di luar batasan.

Dalam beberapa kes samun, penjenayah yang mengambil Syabu tidak akan teragak-agak untuk membunuh orang ramai yang disyaki menghalang kegiatan mereka.

Syabu adalah ATS berbentuk kristal atau hablur tawar halus yang bersifat lut cahaya, tidak berwarna dan tidak berbau.



**RAMPAS
...seorang
pegawai polis
menunjukkan
Syabu yang
dirampas.**

Kebiasaannya pengguna dadah itu adalah penagih Ecstasy yang bertukar selera kerana mahukan kesan lebih kuat tanpa menyedari fungsi otak mereka rosak.

Satu lagi dadah ATS ialah Ketamin. Ia adalah sejenis ubat bius yang digunakan ke atas haiwan dan boleh diperolehi dalam bentuk serbuk putih, cecair dan pil.

Ketamin yang turut dikenali dengan nama panggilan K, Special K dan Vitamin K boleh mengakibatkan penagihnya mengalami kesukaran bernafas, berkhayal, hilang daya kawalan diri, agresif dan perubahan perasaan.

Pengambilan yang berterusan menyebabkan kerosakan

Di Negeri Sembilan, berdasarkan statistik Sistem Maklumat Dadah Kebangsaan (Nadi) dalam tempoh lima tahun sejak 2002, seramai 52 penagih dadah sintetik dikesan di negeri itu.

Jumlah itu hanya mewakili hampir satu peratus daripada jumlah keseluruhan penagih di negeri itu dengan penyalahgunaan pil psikotropik sebanyak 32 orang diikuti Ecstasy (16 orang), Syabu (dua orang) dan Amphetamine (dua orang).

Walaupun jumlah itu nampak kecil namun tetap mendapat perhatian serius kerana penagihan dadah sintetik umpama satu trend dan

fungsi otak serta organ dalaman sehingga mengakibatkan kematian.

Amphetamine pula dihasilkan sekitar tahun 1920 untuk tujuan perubatan. Ia menjadi ubat perangsang sistem saraf pusat dan boleh menghilangkan rasa mengantuk serta keletihan, malah adakalanya digunakan bagi menghilangkan selera makan bertujuan menurunkan berat badan.

Tetapi ia disalahgunakan oleh golongan remaja untuk berpesta lebih lama kerana dadah itu menyebabkan mereka tidak merasa penat atau mengantuk.

Penagih ATS jenis itu akan mengalami kesan sampingan seperti halusinasi, cemas, takut, resah, menggeletar, hilang selera makan dan berpeluh secara berlebihan.

Berdasarkan statistik yang dikeluarkan Polis Diraja Malaysia (PDRM), antara Januari hingga September lalu sebanyak 136.47 kilogram Syabu dirampas.

Dalam tempoh sembilan bulan itu juga, polis merampas Ketamin (186.54 kilogram), Ecstasy (217,427 biji), Eramin 5 (58,400 biji) dan pil psikotropik (40,119 biji).

boleh menjadi wabak yang sukar dikawal.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kesihatan, Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri Sembilan, Datuk Yu Chok Tow, berkata Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) negeri sedang melaksana dan merangka pelbagai program untuk memberi pendidikan kepada masyarakat mengenai bahaya dadah sintetik.

“AADK turut menubuhkan Jawatankuasa Rawatan dan Pemulihan Dadah (JKPD) yang berperanan menggabung agensi kerajaan dan NGO (pertubuhan bukan kerajaan) untuk menyumbang perkhidmatan tambahan kepada usaha yang sedang dijalankan AADK,” katanya dalam sidang Dewan Undangan Negeri (DUN), baru-baru ini.

Walau apapun langkah pencegahan dan pemulihan yang diambil kerajaan serta NGO, masyarakat sendiri perlu mengambil bahagian. Jangan cuba mengambil dadah atas alasan apapun kerana ia satu perangkap yang amat sukar sekali untuk membebaskan diri.